

12 JUL 2003

Samy-Lampu

SISTEM KIRAAN MASA LAMPU ISYARAT DILAKSANAKAN DI SELURUH NEGARA

SUNGAI SIPUT, 12 Julai (Bernama) -- Sistem kiraan bermasa lampu isyarat yang pertama kali diperkenalkan di negara ini di Melaka, akan dilaksanakan di semua jalan persekutuan secara berperingkat.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan sistem itu diperluaskan ke seluruh negara berikutan keberkesanannya.

Katanya sistem itu kini dilaksanakan di beberapa lampu isyarat di Melaka, Ipoh serta Kuala Lumpur dan Jabatan Kerja Raya akan mula melaksanakan kaedah ini di semua jalan di bawah seliaan jabatan itu.

"JKR akan mula memasang sistem countdown ini apabila sesuatu lampu isyarat lama hendak ditukar. Bermula dari bandar-bandar besar, kita akan alih ke bandar kecil secara berperingkat," katanya selepas mendengar taklimat projek pelebaran jalan Rimba Panjang di sini semalam.

Taklimat diberi oleh Pengarah JKR Perak, Datuk Ir I. Dorairajoo.

Samy Vellu berkata keutamaan akan diberikan kepada lampu-lampu isyarat lama yang hendak ditukar dan kawasan yang mempunyai kadar kemalangan yang banyak serta sering berlaku kesesakan jalan.

Katanya sistem itu memberi kemudahan kepada para pengguna jalan yang boleh bersedia dan berasa lebih selesa melintasi sesuatu persimpangan lampu isyarat dengan adanya petunjuk masa untuk mereka mula bergerak atau perlu berhenti.

"Ini akan meningkatkan tahap keselamatan di persimpangan lampu isyarat dan juga membantu mengurangkan kesesakan kerana lebih banyak kenderaan dapat melintas dalam masa yang ditetapkan," katanya lagi.

Samy Vellu berkata sistem kiraan masa itu akan diperkenalkan di Sungai Siput melalui projek pelebaran Jalan Rimba Panjang iaitu menaiktaraf jalan dari Kanthan ke Salak Utara sepanjang 12km.

Katanya projek yang akan menelan kos RM25 juta itu meliputi naiktaraf jalan dari dua lorong kepada empat lorong, pembinaan jambatan baru dan sebuah terowong berhampiran Rancangan Perumahan Awam Rimba Panjang.

Beliau berkata projek itu adalah sebahagian daripada rancangan menaiktaraf semua jalan persekutuan daripada dua lorong kepada empat lorong dan membantu mengurangkan kesesakan di kawasan Sungai Siput.

Menyentuh perkara lain, Samy Vellu berkata kelewatan projek kerajaan akan dapat dikurangkan jika semua agensi berkaitan dapat bekerjasama dan Perbendaharaan sendiri dapat memberikan kelulusan dalam tempoh tiga minggu.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan sesuatu projek, termasuk pelanggan Jabatan Kerja Raya (JKR), iaitu agensi kerajaan yang kerap menukar pelan reka bentuk dan Perbendaharaan ada masanya mengambil sehingga tiga atau empat bulan untuk memberikan kelulusan, katanya.

Beliau mengulas pekeliling Perbendaharaan yang memberi amaran projek yang bernilai RM10 juta ke atas akan terbatal secara automatik jika tidak dimulakan dalam tempoh enam bulan selepas surat hasrat di keluarkan.

Samy Vellu berkata JKR sentiasa memberi keutamaan kepada projek yang perlu disegerakan tetapi adakalanya pelanggan kementerian yang bertindak melewatkan proses reka bentuk dan kerja-kerja berkaitan.

-- BERNAMA

AR RON